



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
MINISTRY OF HEALTH OF MALAYSIA**  
Bahagian Pengurusan Latihan  
*Training Division*  
Aras 3 dan 6, Menara Prisma  
No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62675 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000  
Faks (Fax) : 603-8885 0748  
Laman Web (Web) : latihan.moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM 500/3/4/10 Jld 6 (56)  
Tarikh : 06 Ogos 2020

### **SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PENGUMUMAN TAWARAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR SEPARUH GAJI TANPA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN BAGI MENGIKUTI KURSUS IJAZAH SARJANA MUDA PERUBATAN KECEMASAN (UKM) SECARA SEPENUH MASA SESI 2020 / 2021 KEPADA PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN GRED U29-U40 DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA.**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Kementerian Kesihatan Malaysia mempelawa pihak YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan untuk mengemukakan pencalonan bagi Penolong Pegawai Perubatan Gred U29-U40 yang berminat untuk mengikuti kursus dalam perkhidmatan tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi sesi 2020 / 2021.
3. Butir-butir tawaran adalah seperti berikut:

<b>Tawaran Cuti Belajar</b>	: Cuti Belajar Separuh Gaji Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (CBSG Tanpa HLP)
<b>Jawatan</b>	: Penolong Pegawai Perubatan Gred U29-U40
<b>Kursus</b>	: Ijazah Sarjana Muda Perubatan Kecemasan, UKM
<b>Sesi</b>	: 2020 / 2021

4. Syarat-syarat permohonan dan maklumat lengkap mengenai tawaran ini boleh didapati di Sistem Permohonan eHLP KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>) mulai **10 Ogos 2020**. Tarikh-tarikh penting mengenai tawaran ini adalah seperti di **Lampiran A**.

5. Sila ambil maklum bahawa penerima biasiswa mulai Sesi Akademik 2012 / 2013 adalah tertakluk kepada **Dasar Pelaksanaan Tindakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya** seperti yang disertakan di **Lampiran B** sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).



Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. ZAINAL ABIDIN BIN SAIT)  
Bahagian Pengurusan Latihan  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**SENARAI EDARAN :**

1. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia
3. Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)
4. Ketua Penolong Pegawai Peubatan Malaysia

**LAMPIRAN A**

BIL.	PERKARA	TARIKH
i.	Pengumuman iklan tawaran Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi Penolong Pegawai Perubatan Gred U29-U40 yang mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda Perubatan Kecemasan (UKM) di laman web Bahagian Pengurusan Latihan KKM ( <a href="http://latihan.moh.gov.my">http://latihan.moh.gov.my</a> ) dan Sistem Permohonan eHLP KKM ( <a href="http://ehlp.moh.gov.my">http://ehlp.moh.gov.my</a> )	<b>10 Ogos 2020</b>
ii.	Tarikh tutup penerimaan dokumen <i>hardcopy</i> di Bahagian Pengurusan Latihan.	<b>26 Ogos 2020</b>
iii.	Semakan keputusan tawaran di Sistem Permohonan eHLP KKM ( <a href="http://ehlp.moh.gov.my">http://ehlp.moh.gov.my</a> )	<b>28 September 2020</b>

**LAMPIRAN B****JENIS-JENIS TINDAKAN PENALTI YANG DIKENAKAN KEPADA PEMEGANG  
BIASISWA DALAM PERKHIDMATAN YANG GAGAL MENAMATKAN PENGAJIAN  
DENGAN JAYA**

BIL.	PERKARA	PENALTI YANG DIKENAKAN
1.	Masalah disiplin	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Bayaran gantirugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian;</li><li>ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan;</li><li>iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan; dan</li><li>iv. Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk Cuti Belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan.</li></ul>
2.	Menarik diri	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Bayaran gantirugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian;</li><li>ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan;</li><li>iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan; dan</li><li>iv. Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk Cuti Belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan kecuali sebab tarik diri adalah di atas kepentingan perkhidmatan (yang dapat dibuktikan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan).</li></ul>
3.	Tidak mencapai markah lulus / syarat siswazah yang ditetapkan oleh university / kolej / institusi	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Bayaran gantirugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian;</li><li>ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; dan</li><li>iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan.</li></ul>
4.	Tamat tempoh penajaan	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Bayaran gantirugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian;</li><li>ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan;</li><li>iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat</li></ul>

		dengan Kerajaan; dan iv. Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk Cuti Belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan.
--	--	--

PENGECUALIAN KEPADA TUNTUTAN GANTIRUGI		
5.	Penyakit yang boleh menjelaskan keupayaan untuk mengamalkan perubatan ( <i>unfit to practice</i> ) dari segi fizikal dan mental seperti yang terkandung di dalam Akta Perubatan 1971 seperti di <b>Lampiran C</b> )	i. Tiada tuntutan gantirugi dikenakan; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; dan iii. Tidak layak ditawarkan biasiswa dalam perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan.

Kutipan balik gantirugi akan dibuat sebaik sahaja pegawai ditamatkan penajaan kerana gagal menamatkan pengajian dengan jaya.

## LAMPIRAN C

### JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

- a. Kanser;
- b. Serangan jantung;
- c. *Pulmonary Hypertension*;
- d. Penyakit buah pinggang yang kronik;
- e. Penyakit hati (*liver*) yang kronik;
- f. Hepatitis;
- g. Kcederaan di kepala disebabkan kemalangan;
- h. Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;
- i. Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
- j. Pemindahan organ utama;
- k. Penyakit Parkinson;
- l. Penyakit HIV atau AIDS atau kedua-duanya;
- m. Pemindahan kaki dan tangan;
- n. Skizofrenia;
- o. Kcederaan atau kecacatan fizikal yang dialami semasa menjalani latihan atau kursus yang disahkan oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan Pakar Perubatan yang diperakukan oleh penaja sebagai tidak sihat untuk meneruskan pengajian; dan
- p. Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan Pakar Perubatan yang diperakukan oleh penaja.

**PERMOHONAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR BAGI MENGIKUTI KURSUS  
DALAM PERKHIDMATAN SECARA SEPENUH MASA SESI 2020 / 2021  
KEPADА PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA KATEGORI BUKAN  
GUNASAMA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Permohonan terbuka kepada **Penolong Pegawai Perubatan** Gred U29-U40 di KKM untuk memohon Cuti Belajar Separuh Gaji Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (CBSG Tanpa HLP) bagi kursus Ijazah Sarjana Muda Perubatan Kecemasan (UKM) sesi 2020 / 2021 sahaja.

**PERMOHONAN TAWARAN CUTI BELAJAR CUTI BELAJAR SEPARUH GAJI  
TANPA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN BAGI MENGIKUTI KURSUS IJAZAH  
SARJANA MUDA PERUBATAN KECEMASAN (UKM) SECARA SEPENUH MASA  
SESI 2020 / 2021 KEPADA PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN GRED U29-U40 DI  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA.**

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

1. Calon-calon bagi tawaran ini hendaklah memenuhi syarat-syarat asas seperti berikut:-

- 1.1 Pegawai Kerajaan Kumpulan Pelaksana yang sedang **berkhidmat dalam perkhidmatan tetap**;
- 1.2 Pada 1 Januari 2020, calon mestilah berumur tidak melebihi **45 tahun** bagi pengajian peringkat Diploma / Ijazah Sarjana Muda;
- 1.3 **Telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun** (lantikan selewat-lewatnya pada **(1 Januari 2017)** pada tarikh tutup permohonan);
- 1.4 **Telah disahkan dalam perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan;
- 1.5 Mempunyai prestasi cemerlang dengan purata markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun terakhir berturut-turut (2017, 2018 & 2019) **tidak kurang daripada 85% (penilaian genap 12 bulan bagi setiap tahun)**;
- 1.6 Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang / pendek seperti berikut:

<b>Tempoh Kursus</b>	<b>Tempoh Menunggu (pada 1 Januari 2020)</b>
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

- 1.7 **Tidak pernah menerima** sebarang tajaan Kerajaan Malaysia bagi peringkat kursus yang sama;
- 1.8 **Tidak pernah gagal atau menarik diri** daripada sebarang kursus yang mendapat tajaan daripada Kerajaan Malaysia sebelum ini;

- 1.9 **Tidak pernah menolak tawaran Cuti Belajar Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) yang ditawarkan di dalam tempoh **dua (2) tahun** yang lepas; dan**
  - 1.10 **Bersih daripada sebarang pertuduhan / tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan mahkamah;**
  - 1.11 **Bebas daripada penyakit yang boleh menjelaskan keupayaan untuk mengamalkan perubatan (*unfit to practice*) dari segi fizikal dan mental seperti yang terkandung di dalam Akta Perubatan 1971 seperti di **Lampiran C**;**
  - 1.12 **Masih belum mendapat tempat di mana-mana institusi pengajian tinggi di dalam negara atau telah mendapat tempat pengajian tetapi belum memulakan pengajian di mana-mana institusi pengajian tinggi di dalam / luar negara.**
2. Permohonan ini adalah bagi sesi pengajian tahun 2020 / 2021 dan **terbuka kepada semua Penolong Pegawai Perubatan Gred U29-U40 di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** sahaja.
3. Semua permohonan yang dikemukakan hendaklah mematuhi prinsip-prinsip asas yang dinyatakan dalam **Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa** seperti di **Lampiran 1**.
4. Calon-calon boleh menyemak keputusan pada **28 September 2020** di laman web <http://latihan.moh.gov.my>.
5. Pegawai yang menerima kemudahan Cuti Belajar Tanpa HLP adalah dikenakan ikatan kontrak untuk berkhidmat dengan kerajaan atau dikenakan tuntutan ganti rugi sekiranya melanggar syarat-syarat perjanjian.

## **CARA UNTUK MEMOHON**

6. Borang permohonan Cuti Belajar boleh didapati dengan melayari laman web Bahagian Pengurusan Latihan KKM (<http://latihan.moh.gov.my>) dan Sistem Permohonan eHLP KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>);

7. Calon hendaklah **melengkapkan dokumen permohonan mengikut Senarai Semak di Lampiran 2 dan mencetak borang permohonan** tersebut untuk diperakukan oleh Ketua Jabatan masing-masing dengan sokongan daripada Penyelia/Ketua Unit.
8. Calon adalah diingatkan supaya **membaca syarat-syarat dan tatacara permohonan dengan teliti. Permohonan yang tidak memenuhi syarat atau tidak lengkap akan ditolak.**
9. Dokumen yang perlu dihantar adalah seperti berikut:-
  - (a) **2 dokumen asal** borang permohonan KKM(BPL)LDP 2020 (II) PELAKSANA (E) PPPUKM yang telah diperakukan berserta gambar berukuran *passport*;
  - (b) **2 salinan** Surat Tawaran daripada Institusi Pengajian;
  - (c) **2 dokumen asal** Surat (*Covering Letter*) daripada Jabatan / Tempat Bertugas dengan sokongan / ulasan dari segi kebenaran mengikuti latihan / kesesuaian bidang (**seperti contoh di Lampiran 3**);
  - (d) **\*Dua (2) salinan** Sijil Diploma yang telah disahkan;
  - (e) **2 dokumen asal** Surat permohonan cuti belajar daripada calon yang memohon (**seperti contoh di Lampiran 4**);
  - (f) **2 salinan** buku perkhidmatan yang terkini yang telah disahkan;
  - (g) **2 dokumen asal** pengesahan markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) (**seperti contoh di Lampiran 5**);
  - (h) **2 salinan** Senarai Tugas terkini (seperti contoh di dalam fail meja).

11. Borang permohonan Cuti Belajar Tanpa HLP yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada **Ketua Perkhidmatan / Ketua Jabatan** bagi mendapatkan perakuan. Permohonan yang tidak melalui peringkat ini **tidak akan dipertimbangkan**.

12. Semua dokumen permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar melalui Ketua Perkhidmatan/Jabatan kepada:

Unit Program Kepakaran 1  
Cawangan Operasi Latihan  
Bahagian Pengurusan Latihan  
Aras 6, Menara Prisma  
No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62675 Putrajaya

13. Sekiranya permohonan yang dikemukakan adalah lengkap dan menepati semua syarat, calon akan diberikan tawaran bersyarat cuti belajar sekiranya berjaya. Surat kelulusan rasmi akan dikeluarkan setelah calon mengesahkan tempat di universiti dan menyempurnakan borang perjanjian.

#### **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN / PENYELIA**

14. Ketua Jabatan / Penyelia adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi **sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan**.

15. Ketua Jabatan / Penyelia adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya memperakukan calon yang boleh dilepaskan pada tahun 2020 / 2021.

16. Sekiranya terdapat **sebarang unsur penipuan maklumat** dalam mengisi borang permohonan ini, **permohonan akan ditolak**.

**SEBARANG PERTANYAAN BERHUBUNG PERMOHONAN  
CBSG TANPA HLP / CBTG TANPA HLP, SILA HUBUNGI**

**03-8885 0600 ext. 6113**

**ATAU**

**EMAILKAN KEPADA psuldp1@moh.gov.my**



## SENARAI SEMAK

**PERMOHONAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR SEPARUH GAJI TANPA HLP BAGI MENGIKUTI KURSUS IJAZAH SARJANA MUDA PERUBATAN KECEMASAN (UKM) SECARA SEPENUH MASA SESI 2020 / 2021 KEPADA PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN GRED U29-U40 DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA.**

1. \* **Dua (2) dokumen asal** borang Latihan dalam Perkhidmatan **KKM(BPL)LDP 2020 (II) PELAKSANA (E) PPPUKM** yang telah diperakurkan berserta gambar berukuran *passport*;
2. **Dua (2) salinan** Surat Tawaran daripada Institusi Pengajian;
3. \* **Dua (2) dokumen asal** Surat Sokongan Dan Ulasan (*covering letter*) daripada Jabatan / Tempat Bertugas dari segi kebenaran mengikuti latihan / kesesuaian bidang (*Lampiran 3*);
4. \***Dua (2) salinan** Sijil Diploma yang telah disahkan;
5. \* **Dua (2) dokumen asal** Surat Permohonan Cuti Belajar daripada calon yang memohon (*Lampiran 4*);
8. \* **Dua (2) salinan** buku rekod perkhidmatan yang telah dikemaskini dan disahkan;
9. \* **Dua (2) salinan** Senarai Tugas terkini; dan
10. \* **Dua (2) dokumen asal** pengesahan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) (*Lampiran 5*);

Catatan : \* **Wajib diisi dan dilampirkan oleh pemohon.**

**Calon telah mengemukakan semua dokumen yang disyaratkan untuk tujuan pemprosesan permohonan cuti belajar ini.**

<b>UNTUK KEGUNAAN BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN, KKM</b>	
Nama : Cop Jawatan :	
Tarikh :  	



BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**PERMOHONAN MENGIKUTI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN**  
**ARAHAN:**

1. Lengkapkan borang dengan jelas, sila rujuk panduan kod di mana berkaitan.
2. Perlu diisi dalam **DUA (2) salinan**.
3. Senarai tugas perlu disertakan.

Gambar

**A.**

**BUTIR-BUTIR DIRI**

1. Nama Penuh								
2. No K/P			-			-		
3. Tarikh Lahir	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	(Hari)	(Bulan)	(Tahun)		
4. Umur	<input type="text"/>							
5. Negeri Lahir	<input type="text"/>	(rujuk panduan kod)		6. Taraf Perkahwinan	<input type="checkbox"/>	K - Kahwin	B - Bujang	
7. Jantina	<input type="checkbox"/>	L - Lelaki	P - Perempuan	8. Keturunan	<input type="checkbox"/>	(rujuk panduan kod)		
9. Agama	<input type="checkbox"/>	I - Islam	L - Lain-lain	10. Kecacatan	<input type="checkbox"/>	(rujuk panduan kod)		
11. Alamat Surat Menyurat	<hr/> <hr/>							

**B.**

**BUTIR-BUTIR PERKHIDMATAN SEKARANG**

12. Klasifikasi Perkhidmatan	<input type="checkbox"/>	(rujuk panduan kod)	18. Kementerian	<hr/> <hr/>					
13. Jawatan	<hr/> <hr/>			19. Jabatan	<hr/> <hr/>				
14. Gred Jawatan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	20. Jenis Agensi	<input type="checkbox"/>	(rujuk panduan kod)			
15. Tarikh Lantikan	<input type="text"/>	(Hari)	<input type="text"/>	(Bulan)	<input type="text"/>	(Tahun)	21. Alamat Tempat Bertugas	<hr/> <hr/>	
16. Tarikh Disahkan *	<input type="text"/>	(Hari)	<input type="text"/>	(Bulan)	<input type="text"/>	(Tahun)	22. (a) Pej	:	<hr/>
							(b) Rumah	:	<hr/>
							(c) Bimbitt	:	<hr/>
							No. Fax	:	<hr/>
							E-mail	:	<hr/>
17. Lantikan pertama ke <b>PERKHIDMATAN KERAJAAN</b> jika lain dari 12	<hr/>								
(a) Jawatan	<hr/>								
(b) Tarikh Lantikan	<input type="text"/>	(Hari)	<input type="text"/>	(Bulan)	<input type="text"/>	(Tahun)			

\* Sila nyatakan sebabnya jika belum disahkan

<b>BUTIR-BUTIR AKADEMIK</b>			
23. Kelayakan:	Bidang & Institusi / Universiti	Kelas / CGPA	Tahun
(a) Sijil			
(b) Diploma			
(c) Ijazah Pertama			
(d) Ph.D / Sarjana / Dip.Lepasan Ijazah			

<b>BUTIR-BUTIR KURSUS YANG DIPOHON</b>	
24. Nama Kursus	:
25. Peringkat Kursus	:
26. Nama Institusi	:
27. Tempat/Negara	:
28. Tarikh/Tempoh Kursus	:
29. Pengajur / Penaja (Sekiranya ada)	:

<b>KURSUS YANG PERNAH DIIKUTI/BIASISWA YANG PERNAH DITERIMA</b>			
30. Kursus yang pernah diikuti dalam tempoh <b>2 tahun</b> yang lepas <i>(Sila buat lampiran jika ruang tidak mencukupi)</i>			
<b>Nama Kursus</b>	<b>Anjuran</b>	<b>Tempat</b>	<b>Tempoh / Tarikh</b>

31. Biasiswa yang pernah diterima :			
<b>Penaja</b>	<b>Tarikh / Tempoh Biasiswa</b>	<b>Kursus Yang Diikuti</b>	<b>Tempoh Kontrak</b>

**F.****MAKLUMAT KELUARGA**

32. Nama Suami / Isteri : \_\_\_\_\_
33. Tarikh Lahir : \_\_\_\_\_
34. Pekerjaan / Jawatan : \_\_\_\_\_
35. Alamat Tempat Bertugas :  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
36. Bilangan Anak : \_\_\_\_\_ orang

Bil.	Nama Anak	Tarikh Lahir

37. Orang yang boleh dihubungi semasa kecemasan :

- (a) Nama : \_\_\_\_\_ (b) No. Telefon : \_\_\_\_\_
- (c) Alamat :  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**G.****PENGAKUAN PEMOHON ( \*Potong yang tidak berkaitan )**

- 38 (a) Saya \*telah / belum mengisyiharkan harta.
- (b) Saya \*pernah / tidak pernah memohon Cuti Belajar Separuh Gaji / Cuti Belajar Tanpa Gaji Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan. Jika pernah, nyatakan:  
Tahun Permohonan: \_\_\_\_\_
- (b) Disertakan salinan dokumen-dokumen sokongan bertanda ( ✓ ) yang telah diakui sah oleh pegawai kerajaan **Kumpulan Pengurusan dan Profesional** seperti di bawah :
- (i) Surat Tawaran Universiti (jika ada)
  - (ii) Senarai Buku Perkhidmatan yang telah dikemaskini
  - (iii) Salinan Sijil Diploma yang telah disahkan (bagi permohonan kursus peringkat Ijazah Sarjana Muda sahaja);
  - (iv) Senarai Tugas
- (c) Saya mengaku bahawa semua keterangan di atas adalah benar dan permohonan ini adalah lengkap. Sekiranya kenyataan yang diberikan tidak benar atau permohonan ini tidak lengkap, KKM berhak membatalkan permohonan ini.

Tarikh: \_\_\_\_\_

( Tandatangan Pemohon )

**H.****PERAKUAN KETUA JABATAN (\* Potong yang tidak berkaitan )**

- 39 (a) SOKONGAN: \*Disokong / Tidak Disokong
- (b) TINDAKAN TATATERTIB : \*Ada / Tiada
- (c) Markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT)
- (i) Tahun : \_\_\_\_\_ Markah : \_\_\_\_\_
- (ii) Tahun : \_\_\_\_\_ Markah : \_\_\_\_\_
- (iii) Tahun : \_\_\_\_\_ Markah : \_\_\_\_\_
- (iv) Purata Markah : \_\_\_\_\_
- (d) Cuti Belajar Separuh Gaji : Purata markah LNPT sekurang-kurangnya 85% bagi 3 tahun
- Cuti Belajar Tanpa Gaji : Purata markah LNPT sekurang-kurangnya 85% bagi 2 tahun
- (e) Sokongan Pegawai Penilai Pertama
- Tarikh: \_\_\_\_\_ (Tandatangan Pegawai Penilai Pertama)
- Nama: \_\_\_\_\_
- Jawatan: \_\_\_\_\_
- Cop Rasmi Jabatan:
- (f) Pegawai \*BOLEH / TIDAK BOLEH dilepaskan untuk menjalani pengajian pada sesi yang dipohon.

Saya mengesahkan bahawa semua kenyataan yang diberikan oleh \_\_\_\_\_ adalah benar dan permohonan beliau adalah lengkap.

Tarikh: \_\_\_\_\_ (Tandatangan Ketua Jabatan)

Nama: \_\_\_\_\_

Jawatan: \_\_\_\_\_

Cop Rasmi Jabatan:

**I.****PERAKUAN PENGARAH JABATAN KESIHATAN NEGERI****( \*Potong yang tidak berkaitan )**

- 40 (a) SOKONGAN : \*Disokong / Tidak Disokong
- (b) Pegawai \*BOLEH / TIDAK BOLEH dilepaskan untuk menjalani pengajian pada sesi yang dipohon.
- Tarikh: \_\_\_\_\_ (Tandatangan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri)
- Nama: \_\_\_\_\_
- Jawatan: \_\_\_\_\_
- Cop Rasmi Jabatan:

## PANDUAN KOD

### A. BUTIR-BUTIR DIRI

5 Negeri Lahir

- 01 Johor
- 02 Kedah
- 03 Kelantan
- 04 Melaka
- 05 Negeri Sembilan
- 06 Pahang
- 07 Perak
- 08 Perlis
- 09 Pulau Pinang
- 10 Selangor
- 11 Terengganu
- 12 Wilayah Persekutuan
- 13 Sabah
- 14 Sarawak
- 15 Lain-lain
- 16 W.P. Labuan

8 Keturunan

- 01 Melayu
- 02 Cina
- 03 India
- 04 Orang Asli Semenanjung
- 05 Kadazan Kaweken / Dusun
- 06 Murut
- 07 Bajau, Iban
- 08 Lain-Lain Bumuputera Sabah
- 09 Melanau
- 10 Iban
- 11 Bidayuh
- 12 Lain-Lain Bumuputera Sarawak
- 13 Lain-lain

10 Kecacatan

- A Buta
- B Buta Warna
- C Mendengar dengan alat bantuan
- D Pekak
- E Bisu
- F Gagap
- G Cacat Kaki
- H Cacat Tangan
- I Lumpuh
- J Kecacatan Lain
- K Tiada Kecacatan

### B. BUTIR-BUTIR PERKHIDMATAN SEKARANG

11 Klasifikasi Perkhidmatan

- A Pengangkutan
- B Bakat dan Seni
- C Sains
- D Pendidikan
- E Ekonomi
- F Sistem Maklumat
- G Pertanian
- J Kejuruteraan
- K Keselamatan dan Pertahanan Awam
- L Peundangan
- M Tadbir dan Diplomatik
- N Pentadbiran dan Pembangunan
- Q Penyelidikan dan Pembangunan
- R Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir
- S Sosial
- U Perubatan dan Kesihatan
- W Kewangan
- P Polis
- T Tentera

13 Gred Jawatan

Contoh: S4I =

		S	4	I
--	--	---	---	---

18 Jenis Agensi

- 1 Perkhidmatan Awam Persekutuan
- 2 Perkhidmatan Awam Negeri
- 3 Badan Berkanun Persekutuan
- 4 Badan Berkanun Negeri
- 5 Penguasa Tempatan
- 6 Syarikat Kepentingan Kerajaan
- 7 Swasta

## CONTOH SURAT SOKONGAN DAN ULASAN DARI JABATAN

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Latihan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 6, Menara Prisma  
No 26, Persiaran Perdana, Presint 3  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya  
**(u.p.: Unit Program Kepakaran 1)**

Tuan / Puan,

### SOKONGAN DAN ULASAN BAGI PERMOHONAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR SEPARUH GAJI (CBSG) TANPA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) BAGI MENGIKUTI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN SECARA SEPENUH MASA BAGI SESI 2020 / 2021

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Saya sebagai Ketua Jabatan di \_\_\_\_\_ dengan ini menyokong permohonan pegawai seperti nama di bawah untuk mengikuti kursus dalam perkhidmatan secara sepenuh masa bagi sesi 2020 / 2021.

Nama : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

Jawatan dan Gred : \_\_\_\_\_

3. Untuk makluman tuan / puan, kursus ini adalah penting kepada perkhidmatan kerana

(Perlu ada justifikasi)

4. Disamping itu, kursus ini juga dapat memberi peluang kepada pegawai untuk memajukan diri di dalam kerjaya. Pihak jabatan juga akan mempunyai modal insan yang berkualiti seterusnya dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik di masa hadapan.

5. Segala kerjasama dan tindakan dari pihak tuan / puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

### “BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

.....  
( Nama : ..... )  
Jawatan : .....

\* **pilih yang mana tidak berkenaan**

## CONTOH SURAT PERMOHONAN CUTI BELAJAR

Nama Pegawai

Alamat

---

Nama Ketua Jabatan

Alamat Jabatan

Tarikh

Tuan,

### **PERMOHONAN CUTI BELAJAR SEPARUH GAJI (CBSG) TANPA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) BAGI MENGIKUTI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN SECARA SEPENUH MASA BAGI SESI 2020 / 2021**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan saya \_\_\_\_\_ (Nama) , (No Kad Pengenalan) , (Jawatan dan Gred) memohon untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda\* sesi akademik 2020 / 2021 dalam bidang \_\_\_\_\_. Oleh yang demikian, saya ingin memohon kelulusan selama \_\_\_\_\_ tahun.
3. Saya ingin memohon kelulusan Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) ini kerana \_\_\_\_\_ (Perlu ada justifikasi). Semoga kelulusan permohonan cuti belajar ini akan membantu saya meningkatkan kemahiran diri dan seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja di masa hadapan.
4. Kerjasama dan perhatian dari pihak tuan/ puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

---

( Nama : )  
Jawatan :

\* **pilih yang mana tidak berkenaan**



**PENGESAHAN MARKAH LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)**  
**BAGI TAHUN 2017, 2018 DAN 2019**

<b>Bil</b>	<b>Nama Pegawai dan No Kad Pengenalan</b>	<b>Jawatan dan Gred</b>	<b>Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT)</b>		
			<b>*Genap 12 Bulan Bagi Setiap Tahun</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>

**PENGESAHAN**

Saya mengesahkan bahawa kenyataan yang diberikan di atas adalah benar.

**Diperakukan Oleh :**

(Unit Sumber Manusia)

**Disahkan Oleh :**

(Ketua Jabatan)

---

Nama:

Jawatan:

Jabatan:

Tarikh:

Cop Rasmi Jabatan:

---

Nama:

Jawatan:

Jabatan:

Tarikh:

Cop Rasmi Jabatan: